

02 MAY 2001

Anwar-Bedah

ANWAR ENGGAN JALANI PEMBEDAHAN DI HOSPITAL KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menolak cadangan kerajaan supaya beliau menjalani pembedahan tulang belakangnya di Hospital Kuala Lumpur.

Sebaliknya, beliau tetap dengan pendirian untuk mendapatkan rawatan dan pembedahan di Alpha Clinic di Munich, Jerman sebagaimana dicadangkan oleh pakar tulang belakang Dr Thomas Hoogland yang mengendalikan klinik itu.

Keputusannya itu dinyatakan dalam suratnya bertarikh 30 April kepada Pengarah HKL Dr Abdul Razak Kechik dan dibacakan oleh isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kepada media di kediamannya di Bukit Damansara di sini, hari ini.

Dalam surat itu, Anwar yakin kaedah pembedahan endoskopik yang diusulkan Dr Hoogland tidak mengakibatkan luka parah, berisiko rendah dengan waktu pemulihan yang lebih pantas.

Anwar, yang sedang menjalani hukuman penjara 15 tahun kerana kesalahan rasuah dan liwat, dimasukkan ke HKL pada 25 Nov lepas setelah mengadu sakit tulang belakang.

Pada 25 April, beliau diberi tempoh sehingga semalam untuk membuat keputusan sama ada bersetuju untuk menjalani pembedahan di HKL atau dihantar kembali ke Penjara Sungai Buloh untuk menerima rawatan secara konservatif tanpa pembedahan.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata Anwar diberi empat pilihan jenis pembedahan tulang belakang iaitu pembedahan endoskopik oleh Dr Hoogland, laser disectomy oleh pakar perubatan Iran Dr Kazem Djavadkhani yang kini bertugas di Pulau Pinang, pembedahan terbuka dan mikroskopik disectomy, kedua-duanya oleh pakar tempatan.

Bagaimanapun, dalam surat balasnya kepada tawaran kerajaan itu, Anwar berkata beliau ingin dirawat dengan risiko minimum supaya cepat sembuh dan segera pulang sambil menegaskan bahawa "sebagai pesakit, saya telah memilih kaedah yang saya kira terbaik buat diri saya".

Sankara Narayanan Nair, peguam Anwar, memberitahu sidang media yang sama bahawa Anwar mempunyai hak untuk mendapatkan rawatan mengikut pilihannya iaitu pembedahan Endoscopic Micro Surgery di Munich, Jerman yang tidak ditawarkan dalam surat oleh Pengarah HKL.

Wan Azizah memberitahu pemberita kos perubatan dapat dikurangkan jika pembedahan itu dilakukan di klinik Dr Hoogland.

Sebagai contoh, katanya, aspek tambang akan berjumlah kira-kira RM25,000 berbanding kos membawa peralatan dari luar negara itu ke sini yang, menurutnya, akan menjangkau sehingga RM500,000.

Wan Azizah memberikan butir-butir itu sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berkata peralatan yang diperlukan untuk pembedahan itu boleh dibawa ke sini dengan kapal terbang.

Dr Mahathir membuat kenyataan itu sebagai menyangkal dakwaan Dr Hoogland kononnya peralatan perubatannya tidak boleh dibawa ke Malaysia melalui kapal terbang.

Ditanya mengenai tindakan seterusnya, Nair berkata ia bergantung kepada langkah selanjutnya daripada pihak kerajaan mengenai apa yang akan dilakukan terhadap Anwar.

Menurutnya perkara itu ada dibincangkannya dengan Anwar dan mereka mengambil sikap tunggu dan lihat sebelum mengambil sebarang ketetapan mengenai tindakan selanjutnya.

Sementara itu, pakar neurosurgeon Sunway Medical Centre Dr Richard

Veerapen, yang turut hadir pada sidang media itu, berkata Dr Hoogland harus diberi kebebasan untuk menjalankan pembedahan mengikut kehendaknya.

Merujuk kepada kaedah rawatan pula, beliau berkata seseorang pesakit perlu tahu mengenai alternatif kaedah rawatan terbaik supaya pesakit tahu mengenai risiko yang akan ditanggungnya sebelum beliau boleh membuat pilihan.

Katanya dalam soal ini, Anwar sudahpun membuat pilihannya.

-- BERNAMA

AZH AHH NAK